

**TERMA DAN SYARAT PINJAMAN PELAJARAN MARA
TAHUN 2020**

- Bertaraf Bumiputera (salah seorang Ibu atau Bapa kepada pelajar MESTILAH berketurunan Melayu Malaysia / Bumiputera Sabah / Bumiputera Sarawak)
- Warganegara Malaysia (pelajar dan salah seorang ibu/bapa MESTILAH warganegara Malaysia)
- TIDAK menerima bantuan kewangan / tajaan dari mana-mana agensi untuk peringkat pengajian yang sama
- Tempoh program hendaklah melebihi satu tahun (Pelajar tahun ketiga / tahun terakhir pengajian tidak layak untuk memohon)
- Telah mendaftar pada pengambilan semasa dan mula pengajian
- Pinjaman hanya untuk program sepenuh masa bagi kursus Ijazah Sarjana Muda yang diluluskan oleh MARA
- Status Sosio Ekonomi Keluarga (SES) dengan Pendapatan Bercukai Tahunan RM180,000 & ke bawah. Bagi yang berkhidmat di Luar Negara & bekerja sendiri (tiada penyata BE), purata pendapatan bulanan mestilah RM15,000 dan ke bawah.

PANDUAN PERMOHONAN PINJAMAN MARA ATAS TALIAN

Pelajar dikehendaki membuka akaun simpanan di atas nama pelajar di CIMB/MAYBANK/BANK ISLAM.

Pelajar juga dikehendaki mempunyai akaun email yang aktif.

- 1) Pemohonan atas talian bagi pinjaman MARA boleh dibuat di <https://myedulooan.mara.gov.my/>
- 2) Setelah permohonan atas talian selesai, pelajar hendaklah mengemukakan salinan dokumen seperti berikut:-

PELAJAR

- Gambar bersaiz passport – 1 keping
- Salinan Kad Pengenalan
- Salinan Sijil Kelahiran (surat beranak)
- Surat tawaran dari Universiti (akan disediakan oleh pegawai APU)
- Salinan Sijil-sijil Kelulusan Akademik SPM / STPM / Diploma / Matrikulasi / Foundation dan lain-lain yang berkaitan
- Surat Penangguhan / Pengurangan Bayaran Balik Pinjaman Pelajaran dari Penaja terdahulu, selain dari MARA (jika berkaitan)
- Karangan Mengenai Perihal Diri, Perancangan Pengajian dan Kerjaya

IBU BAPA / PENJAGA

- Salinan kad pengenalan Ibu dan Bapa / Penjaga
- Salinan Sijil Kelahiran Ibu dan Bapa / Penjaga
- Salinan Sijil Kematian Ibu / Bapa / Penjaga (jika berkaitan)
- Salinan Penyata Gaji dan **Borang BE Terkini** / Penyata Pencen / Surat Pengesahan Pendapatan Ibu & Bapa / Penjaga jika bekerja sendiri atau tidak bekerja

3) Setelah permohonan atas talian diluluskan oleh MARA, pelajar akan menerima set surat perjanjian yang mengandungi surat tawaran pinjaman, beberapa borang perjanjian pinjaman dan lain-lain.

4) Pelajar perlu mengisi borang dan perjanjian mengikut panduan yang ditetapkan dan menghantar dokumen yang telah lengkap kepada pegawai APU di Bahagian Hal Ehwal Pelajar seperti tarikh yang ditetapkan.

5) Semua Penyata Pendapatan hendaklah disahkan oleh majikan. Jika bekerja sendiri / tidak bekerja, surat pengesahan hendaklah disahkan oleh Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan & Profesional, Penghulu, Ketua Kampung, Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) & Wakil Rakyat mengikut kawasan kediaman.

6) Semua salinan dokumen hendaklah disahkan benar.

SYARAT KELAYAKAN AKADEMIK

1) PROGRAM IJAZAH PERTAMA

- a) STPM
 - Min CGPA 3.00 dan ke atas
 - Kredit dalam subjek BM-SPM
 - Lulus dalam subjek Sejarah -SPM
- b) A Level
 - 2 subjek lulus penuh
 - Kredit dalam subjek BM-SPM
 - Lulus dalam subjek Sejarah -SPM
- c) FOUNDATION (dari APU atau lain-lain)
 - Lulus dalam Foundation Program (minimum CGPA 3.00 dan ke atas)
 - Kredit dalam subjek BM-SPM
 - Lulus dalam subjek Sejarah -SPM
- d) PROGRAM DIPLOMA (dari APU atau lain-lain)
 - Lulus dalam Diploma bidang berkaitan dengan minimum CGPA 3.00 dan ke atas
 - Kredit dalam subjek BM-SPM
 - Lulus dalam subjek Sejarah -SPM

PENTING:

MARA hanya akan memberi wang pinjaman untuk semester seterusnya kepada pelajar yang mencapai CGPA 2.50 ke atas bagi setiap semester

MAKLUMAT KURSUS YANG DILULUSKAN:

PERINGKAT: IJAZAH PERTAMA

No	Course Name
1	BSc (Hons) in Information Technology with specialism in: <ul style="list-style-type: none">- Information System Technology- Cloud Computing- Network Computing- Mobile Technology- Information Systems- Internet of Things (IoT)- Financial Technology
2	BSc (Hons) in Computer Science with specialism in: <ul style="list-style-type: none">- Data Analytics- Digital Forensics
3	BSc (Hons) in Computer Science (Cyber Security)
4	Bachelor of Computer Science (Hons) Intelligent Systems
5	Bachelor of Science (Hons) in Multimedia Technology with a specialism in VR/AR
6	BSc (Hons) in Computer Games Development
7	BA (Hons) in Accounting & Finance with specialism in: <ul style="list-style-type: none">- Forensic Accounting- Forex & Investment
8	Bachelor in Banking & Finance (Hons) with specialism in: <ul style="list-style-type: none">- Financial Technology- Investment & Risk Management
9	Bachelor of Science (Honours) in Actuarial Studies
10	BA (Hons) in Marketing Management with a specialism in Digital Marketing
11	BA (Hons) in Industrial Design
12	BA (Hons) in Animation
13	BA (Hons) in Visual Effects
14	Bachelor of Engineering in Mechatronic Engineering with Honours

Hubungi kami untuk maklumat lanjut:

Tel: 03-89961000 | **Email:** mara@apu.edu.my